

**MORFOLOGI KATA KERJA
BAHASA MELAYU PATANI**

ISLYAS MAHYUDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2011

MORFOLOGI KATA KERJA BAHASA MELAYU PATANI

Oleh

ISLYAS MAHYUDIN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Oktober 2011

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam. Salawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah rahmah dan 'inayah daripada Allah S.W.T, akhirnya saya dapat menyelesaikan tesis ini sesuai dengan kemampuan yang ada.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Syed Zainal Ariff Bin Syed Jamaluddin selaku Penyelia Utama, yang telah menyumbangkan pelbagai idea dan nasihat kepada saya sepanjang kajian ini.

Saya juga tidak lupa untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Mashudi Bin Hj. Kader, selaku mantan Penyelia Utama, yang telah memberikan bimbingan dan nasihat kepada saya pada tahap awal penulisan tesis ini. Bimbingan dan nasihat beliau sangat berguna dalam membuka minda dan memperkaya pengetahuan saya dalam bidang linguistik.

Saya juga sangat terhutang budi kepada Profesor Dato' Abu Talib Ahmad atas keperihatinan serta bantuan dan bimbingan yang dihulurkan.

Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Fazal Mohamad B. Mohamad Sultan dan semua pensyarah Bahasa Melayu di USM yang banyak berjasa dalam menyumbangkan ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang Bahasa Melayu melalui kelas-kelas perkuliahan dan juga di luar ruang perkuliahan, sepanjang pengajian saya di USM.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia, khususnya Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), yang telah memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti Program Sarjana dalam bidang Bahasa Melayu sehingga selesai.

Begitu pula rakaman terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Thaksin, yang membiayai pengajian saya dan Kementerian Pelajaran Thailand yang telah mengizinkan saya untuk mengambil cuti belajar di USM.

Ucapan penghargaan saya tujukan juga kepada rakan baik saya, Dato' Profesor Dr. Awang Sariyan, yang telah memberikan dorongan dan semangat, serta sentiasa berdoa bagi menjayakan cita-cita saya, terutama di kala ujian dan cabaran yang berat telah menimpa saya dalam upaya terakhir penyelesaian tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Ruslan Uthai dan Dr. Ahmad Worawit Baru, yang telah menyumbangkan bahan-bahan yang penting bagi kajian ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Rattiya Saleh dan Sdr. Halim Dinaa, M.A. dan rakan-rakan lain yang sentiasa menghidupkan semangat saya dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibunda tercinta Nik Zalekha, isteri yang dikasihi Napisah dan anak-anak tersayang : Hannan, Fadhlullah dan Muhaimin, yang sentiasa mendampingi saya dan sabar menunggu kejayaan saya, disamping abang-abang dan adik-adik tercinta, yang telah memberikan dorongan serta semangat kepada saya sehingga tesis ini selesai.

Sekian, terima kasih.

ISLYAS MAHYUDIN

Oktober 2011

SENARAI JADUAL DAN CARTA

Jadual :	1 : Lapisan Afiks dalam Struktur KK Kompleks Dua Lapis	145
	2 : Lapisan Afiks dalam Struktur KK Kompleks Tiga Lapis	147
Carta :	1 : Kekekapan Penggunaan Afiks dalam Proses Pembentukan Kata KK ..	150
	2 : Menunjukkan Afiks dan Kategori Kata Dasar	150

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI LAMPIRAN	viii
GLOSARI	ix
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Dan Pernyataan Masalah	1
1.2 Tujuan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Definisi	9
1.7 Kajian Lepas	10
1.7.1 Kajian Ruslan Uthai	10
1.7.2 Kajian Hashim Haji Musa	12
1.7.3 Kajian Darwis Harahap	14
1.7.4 Kajian Abdullah Hassan	14
BAB 2 : KERANGKA TEORITIS DAN KAEDAH KAJIAN	
2.0 Pengenalan	17
2.1 Kerangka Teoretis Kajian	17

2.1.1	Takrif Morfologi	17
2.1.2	Takrif Morfem Dan Kata	18
2.1.3	Persoalan Morfem	19
2.1.4	Prinsip-Prinsip Mengenal Pasti Morfem	21
2.1.5	Rumus Pembentukan Kata	23
2.2	Kaedah Kajian	28
2.2.1	Kaedah Kepustakaan	28
2.2.2	Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data	29
2.3	Kesimpulan	32
BAB 3 : KELAS KATA DAN CORAK STRUKTUR KATA KERJA BMP		
3.0	Pengenalan	34
3.1	Kelas Kata Dalam BMP	34
3.2	Kelas Kata Kerjaan BMP	35
3.2.1	Takrif Kata Kerja	35
3.2.2	Pencirian Golongan Kata Kerja	36
3.3	Corak Struktur Kata Kerja BMP	37
3.3.1	Corak Struktur Kata Kerja Unggulan	38
3.3.1.1	Kata Kerja Satu Suku Kata	38
3.3.1.2	Kata Kerja Dua Suku Kata	39
3.3.1.3	Kata Kerja Unggulan Tiga Suku Kata	42
3.3.1.4	Kata Kerja Unggulan Empat Suku Kata	43
3.3.2	Struktur Kata Kerja Kompleks	44
3.3.2.1	Kata Kerja Kompleks Satu Lapis	45
3.3.2.2	Struktur Kata Kerja Kompleks Dua Lapis	46
3.3.2.3	Kata Kerja Kompleks Tiga Lapis	50
3.4	Huraian Struktur Kata Kerja Kompleks	51
3.4.1	Huraian Struktur Kata Kerja Dua Lapis	51

3.4.2 Huraian Struktur Kata Kerja Kompleks Tiga Lapis	64
3.5 Kesimpulan	72
BAB 4 : PROSES AFIKSASI KATA KERJA BMP	
4.0 Pengenalan	74
4.1 Prefiksasi	74
4.2 Sufiksasi	90
4.3 Konfiksasi	92
4.4 Infiksasi (Sisipian)	104
4.5 Afiksasi Kata Kerja Gandaan	105
4.6 Afiksasi Kata Kerja Gabungan	114
4.7 Kesimpulan	116
BAB 5 : MAKNA AFIKS KATA KERJA BMP	
5.0 Pengenalan	118
5.1 Makna Prefiks /per-/	118
5.2 Makna Sufiks /-kan/	120
5.3 Makna Sufiks /-i/	122
5.4 Makna Prefiks /ber-/	122
5.5 Makna Prefiks /meN-/	127
5.6 Makna Prefiks /di-/	131
5.7 Makna Prefiks /ter-/	132
5.8 Makna Konfiks /meN-...-kan/	135
5.9 Makna Konfiks /meN-...-i/	138
5.10 Makna Afiks /di-...-kan/	139
5.11 Makna Afiks /per-...-kan/	140
5.12 Makna Konfiks /ke-...-an/	141
5.13 Kesimpulan	142

BAB 6 : PENUTUP	
6.0 Pengenalan	143
6.1 Hasil Kajian	143
6.1.1 Kelas Kata Dan Corak Struktur Kata Kerja BMP	143
6.1.2 Pelapisan Afiks Kata Kerja BMP	144
6.1.2.1 Pelapisan Afiks Kata Kerja Kompleks Dua Lapis	145
6.1.2.2 Pelapisan Afiks Kata Kerja Kompleks Tiga Lapis	147
6.1.3 Proses Afiksasi Kata Kerja BMP	149
6.1.4 Aspek Makna Afiks Kata Kerja BMP	152
6.2 Cadangan	152
6.3 Kesimpulan	153
BIBLIOGRAFI	154
LAMPIRAN	158

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	Jadual Kata Kerja BMP	158
LAMPIRAN 2	Carta Afiks Kata Kerja BMP	166
LAMPIRAN 3	Carta Afiks Kata Kerja dan Kategori Kata Dasar	167
LAMPIRAN 4	Daftar Kata yang Diproses Melalui Pengisian WORDSMITH	169
LAMPIRAN 5	Teks-teks Kajian yang Ditransliterasi	188

GLOSARI

adjektif	adjective
afiks/imbuhan	affix
afiksasi/pengimbuhan	affixation
akronim	acronym
akusatif	accusative
apitan	confix
akhiran	suffix
bahasa Melayu dialek	dialectal Malay
bahasa ibunda	mother tongue
bentuk	form
bentuk dasar	base form
bunyi alveolar/bunyi gusi	alveolar sound
binaan	construction
dasar	base
dialek	dialect
dwisuku kata	ambisyllable
frekuensi, kekerapan	frequency
golongan kata	parts of speech
gandaan	reduplication
homonim	homonym
imbuhan produktif	productive affix
kata, perkataan	word
kata dasar	base word

kata kerja bantu aspek	aspect verb
kata ekasuku	monosyllabic word
kata kerja	verb
kata kerja aktif	active verb
kata kerja pasif	passive verb
kata kerja penyebab	causative verb
kata kerja tak transitif	intransitive verb
kata kerja sendiri	reflexive verb
kata kompleks	complex word
kata majmuk	compound word
kata depan, kata preposisi	preposition
konkordans	concordance
konsonan	consonant
korpus	corpus
kata nama	noun
kata tugas	function word
kontek	context
makna	meaning
morfem dasar	base morpheme
morf	morph
morfem	morpheme
morfologi	morphology
morf fonemik	morphophonemic
pasif	passive

penyebab	causative
penanda	marker
pelbagai suku	multisyllable
prefiks/awalan	prefix
penggandaan	reduplication
ragam aktif	active voice
ragam pasif	passive voice
semantik	semantics
suku kata	syllable
rajaah pohon	tree diagram
sispan	infiks
silabik	syllabic

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

af	afiks (imbuhan)
bMP	bahasa Melayu Patani
FN	Frasa Nama
FK	Frasa Kerja
FA	Frasa Adjektif
FSN	Frasa Sendi Nama
K	konsonan
V	vokal
KK	Kata Kerja / Kata Kerjaan
KN	Kata Nama / Kata Namaan
KA	Kata Adjektif / Kata Adjektifan
KT	Kata Tugas / Kata Tugasan
KD	Kata Dasar
X, x	Sebarang Kata Dasar
G	Unsur Gandaan
*	Tidak gramatis
→	Menjadi / Berlaku proses
{-}	Morf / Alomorf
/-/	Morfem / Fonem
[-]	Kata / Morfem
'-'	Makna kata

Morfologi Kata Kerja Bahasa Melayu Patani

ABSTRAK

Kajian ini memberikan tumpuan pada morfologi kata kerja bahasa Melayu Patani (bMP), seperti yang terdapat dalam teks-teks agama tulisan Haji Abdul Kadir Wangah dengan memanfaatkan idea-idea daripada Nida (1946), Aronoff (1976), Katamba (1993) dan Aronoff dan Fudeman (2004).

Kajian ini menghuraikan struktur kata kerja, yang mencakupi struktur kata kerja unggulan dan kata kerja kompleks. Huraian terhadap struktur kata kerja unggulan memfokuskan kepada bentuk suku kata (silabik) dan mendapati sebahagian besar bentuk suku kata dalam bMP terdiri daripada dua suku kata (dwisilabik). Dalam hal ini struktur KV + KVK didapati produktif.

Kajian ini juga meninjau struktur kata kerja kompleks, dengan memberikan tumpuan kepada struktur pelapisan (heirarki) dalam proses pembentukan KK bMP. Kajian ini mendapati proses afiksasi dalam bMP berlaku mengikut urutan atau pelapisan tertentu dan juga berlaku secara rawak.

Kajian ini juga menghuraikan proses pembentukan kata kerja melalui afiksasi, yang meliputi prefiksasi, sufiksasi, konfiksasi dan infiksasi. Afiksasi kata gandaan dan afiksasi kata gabungan juga diberikan huraian seperlunya. Kajian ini mendapati bahawa prefiks /*meN-*/, /*ber-*/ dan /*di-*/ adalah afiks yang produktif. Di samping itu, dalam proses morfofonemik didapati adanya perbezaan dengan sistem fonologi bahasa Melayu, seperti dalam lingkungan fonem yang hadir bersama prefiks /*me-*/.

Kajian ini juga mendapati afiks mempunyai makna tertentu bergantung pada posisinya dalam ayat. Kategori kata dasar dan kedudukan perkataan berafiks dalam ayat juga menentukan makna afiks.

ABSTRACT

This study concentrates on verb morphology of Patani Malay Language (BMP) as mentioned in religious text of Haji Abdul Kadir Wangah, by uses the ideas of Nida (1946), Aronoff (1976), Katamba (1993) and Aronoff and Fudeman (2004).

This research explains the structure of verb, consisting of ideal verb and complex verb. The explanation on the structure of ideal verb focuses on the syllable and from this explanation, it is found that the structure of BMP is partly consisting of two syllable. In this case, the spreading rate of structure CV+CVC is wider.

With regard to the structure of complex verb, this study found out that there are certain amounts of affix which exist simultaneously in the form of affixation or consecutively. Sometimes, the same affix can exist simultaneously and consecutively.

Besides, the study describes the verb affixation process or BMP verb formation covering the prefixation, suffixation, confixation and infixation, include the affixation of doubling dan compound. Among the prefixes, /meN-/ , /ber-/ and /di-/ are productive. It is also found that a few variants of morphophonemic system exist in BMP compared to modern Malay Language such as in the bounding process of the formative /me-/ with a few phonemes environments.

The study also found that a few affixes in BMP have a number of meaning, depending on their positions in the sentence. In terms of the meaning, it is found that the affix meaning depends on base word meaning.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa Melayu telah diguna secara meluas dalam masyarakat Melayu di Selatan Thailand, sama ada dalam bentuk lisan (dialek) mahupun tulisan. Kajian ini memberikan tumpuan kepada bahasa Melayu tulisan dengan memfokuskan kepada aspek morfologi kata kerja sahaja. Secara umum kajian ini bertujuan untuk mengkaji sistem tatabahasa bahasa Melayu Patani bagi membina dan mengembangkan bahasa tersebut, di samping menambah khazanah bahasa Melayu serta menjadi sumber pengajian dan pengajaran bahasa Melayu di kawasan Selatan Thailand. Bahasan dalam Bab ini meliputi huraian terhadap latar belakang dan pernyataan masalah, tujuan kajian, skop kajian, definisi-definisi dan kajian lepas, yang dianggap penting dan bermanfaat bagi kajian ini.

1.1 Latar Belakang Dan Pernyataan Masalah

Berdasarkan Amorn Thwisap (1987) dan Tadmor (1995) dalam Ruslan Uthai (2008), secara geografis penyebaran bahasa Melayu di Thailand meliputi kawasan-kawasan, selain daripada wilayah-wilayah sempadan selatan Thailand (Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Setul), juga meliputi kawasan Selatan sebelah atas dan kawasan Tengah termasuk Bangkok, Samutprakan, Nonthaburi dan Pathomthani. Bagaimanapun, menurut Ruslan Uthai (2008), penggunaan bahasa Melayu di kawasan-kawasan tersebut adalah terhad pada masyarakat minoriti, kecuali di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat (selepas ini disebut Patani).

Menurut Ruslan Uthai (1993), sekitar 80-85 peratus penduduk yang tinggal di kawasan Patani menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Berdasarkan kenyataan tersebut, maka BMP yang termasuk keluarga bahasa Austronesia (Ruslan Uthai, 1993) itu, dapat dianggap sebagai bahasa ibunda bagi penduduk Melayu di Patani, sebagaimana juga bahasa Melayu di Brunei yang dikatakan mencapai taraf bahasa ibunda kerana merupakan bahasa bagi 60 peratus penduduk (Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia, 1998:56).

Terdapat beberapa istilah untuk menyebut bahasa Melayu yang digunakan dalam masyarakat Melayu di Patani, antara lain ialah “bahasa Patani”, “bahasa Melayu Patani” dan “Bahasa Jawi”. Menurut Ahmad Fathi (1993 : 200), istilah *Bahasa Patani* bermakna “Bahasa Melayu Patani”, iaitu “..suatu istilah yang kira-kira sama maksudnya dengan ‘Bahasa Indonesia’ di Indonesia atau ‘Bahasa Malaysia di Malaysia.’”. Istilah “Bahasa Melayu Patani” juga digunakan oleh Worawit Baru (1990) dan Ruslan Uthai (1999) dalam kajian mereka. Adapun penggunaan istilah “Bahasa Jawi”, menurut Ahmad Fathi (1993) adalah sesuai dengan ciri-ciri bahasa itu yang menggunakan tulisan jawi.

Mengenai istilah BMP, Syed Abdullah Al-Jufri (2008 : 1) dalam makalahnya bertajuk :
บทบาทของภาษามลายูถิ่นด้านการเรียนการสอนในสามจังหวัดชายแดนภาคใต้ (terjemahan pengkaji :
Peranan Bahasa Melayu Dalam Pembelajaran di Tiga Wilayah Sempadan Selatan Thailand), memberi pandangan sebagai berikut :

ภาษามลายูถิ่นในสามจังหวัดชายแดนภาคใต้ในที่นี้หมายถึง ภาษามลายูถิ่นที่ใช้ในจังหวัดปัตตานี ยะลา นราธิวาส และบางพื้นที่ในจังหวัดสงขลา โดยเฉพาะเจาะจงพื้นที่ใดพื้นที่หนึ่ง
ดังนั้นการเรียกชื่อภาษามลายูถิ่นดังกล่าวนี้เป็น “ภาษามลายูถิ่นปัตตานีหรือภาษาถิ่นปัตตานี”
อาจจะไม่ถูกต้องมากนัก เนื่องด้วยคำว่า “ปัตตานี” เป็นชื่อของจังหวัด ...ด้วยข้อจำกัดนี้เอง
จึงเป็นที่มาของคำว่า ภาษามลายูปาตานี ซึ่งคำว่า “ปาตานี”
เป็นที่รู้จักกันในนามของอาณาจักรเดิมที่เคยมีความเจริญรุ่งเรืองในอดีต...
มีอาณาเขตรอบคลุมพื้นที่ทั้งหมดที่กล่าวไว้ข้างต้น จึงถือว่าเป็นชื่อที่เหมาะสมกว่าชื่อจังหวัด

แต่ทั้งนี้ทั้งนั้น ภาษามลายูปัตตานีจะไม่รวมถึงพื้นที่ในจังหวัดชายแดนฝั่งตะวันตก คือจังหวัดสตูล ซึ่งมีลักษณะสำเนียงและคำศัพท์บางคำที่แตกต่างกันออกไป

(Dialek Melayu yang dimaksudkan di sini ialah dialek Melayu yang digunakan dalam wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan beberapa kawasan dalam wilayah Songhla. Dengan demikian penggunaan istilah “Bahasa Melayu Pattani” atau “Dialek Pattani” tidak begitu tepat, kerana “Pattani” adalah nama sebuah wilayah (changwat). Maka dari keterbatasan itu timbullah istilah “Bahasa Melayu Patani”. Kerana perkataan “Patani” dikenali sebagai nama sebuah kerajaan lama yang pernah mencapai puncak kemajuannya pada masa silam yang mempunyai wilayah-wilayah yang tersebut di atas. Dengan demikian nama tersebut dipandang lebih tepat daripada nama wilayah. Bahasa Melayu Patani tidak meliputi wilayah selatan sebelah barat (Andaman) iaitu Setul yang berlainan sebutan dan kosa katanya.)

Dalam petikan di atas, Syed Abdullah Al-Jufri mengemukakan bahawa pemilihan istilah ‘Patani’ (bukan Pattani) dianggap lebih tepat, kerana ‘Patani’ telah pun dimaklumi sebagai nama sebuah ‘kerajaan Melayu lama’ yang pernah berkembang pada masa silam dan wilayahnya meliputi Pattani, Yala dan Narathiwat dan sebahagian Songkhla. Dengan demikian, penggunaan istilah ‘bahasa Melayu Patani’ dianggap lebih tepat bagi merujuk kepada bahasa Melayu yang digunakan di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat dan sebahagian wilayah Songkhla. Bagaimana pun menurut Syed Abdullah Al-Jufri, penggunaan istilah bMP tidak meliputi dialek Melayu yang digunakan di wilayah Setul, kerana terdapat beberapa perbezaan sistem fonologi dan perbendaharaan kata. (Syed Abdullah, 2008 : 2)

Sebagaimana dinyatakan di atas bahawa di Thailand kedudukan bMP adalah sebagai ‘bahasa daerah’ atau bahasa golongan minoriti, namun menurut Ruslan Uthai (2008) peranan bMP cukup penting, terutama dalam lapangan pendidikan dan agama. Sementara itu, James T. Collins (1998 : 18) menjelaskan : “Di Thailand sahaja jumlah mahasiswa yang belajar bahasa Melayu telah meningkat dan institusi yang menawarkan kursus bahasa Melayu kini berlipat ganda.”

Bagaimana pun, mengikut Ruslan Uthai (2008), situasi bahasa Melayu di Patani sekarang berada dalam keadaan kritis. “Ketamadunan bMP terancam musnah, ertinya keabsahannya tergugat, yang akan menyebabkan kehilangan peranannya dalam masyarakat dan akhirnya akan wujud sebagai bahasa yang “tak terpakai lagi”. (Ruslan, 2008 : 8). Adapun faktor yang menyebabkan bMP berada dalam kondisi demikian adalah berpunca daripada sikap pengguna bMP itu sendiri yang kurang memiliki kesedaran dalam menggunakan bahasa Melayu yang betul. Pernyataan Ruslan Uthai tersebut dikemukakan dalam makalahnya yang bertajuk : ภาษามลายูในประเทศไทย ความเป็นอารยธรรมและความชอบธรรม (Terjemahan pengkaji : Bahasa Melayu Dalam Negara Thai : Ketamadunan dan Keabsahannya) yang dipetik sebagai berikut :

ปัจจัยเสี่ยงที่ทำให้ภาษามลายูสูญเสียบรรยากาศความเป็นอารยธรรมนั้นไม่ได้เกิดจากรัฐมีนโยบายที่จะทำลายภาษามลายู

ในทางกลับกันรัฐไทยเองมีการสนับสนุนและเปิดโอกาสให้มีกิจกรรมเชิงอนุรักษ์ภาษามลายูระดับหนึ่ง ปัจจัยเสี่ยงที่ว่านี้เกิดจากผู้พูดภาษามลายูเอง...ไม่ตระหนักถึงการใช้อย่างถูกต้อง... (Ruslan, 2008 : 9)

(Faktor yang menyebabkan bahasa Melayu kehilangan ketamadunannya bukan daripada kebijakan Kerajaan untuk menghapus bahasa Melayu, sebaliknya ia berpunca daripada penutur bahasa Melayu itu sendiri yang tidak menggunakan bahasa Melayu secara betul)

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh bMP tersebut, antara cadangan yang dikemukakan kepada Kerajaan Thai ialah perlunya menubuhkan badan berkanun bagi memantau penggunaan bMP seperti DBP di Malaysia. Kerajaan juga perlu membina kesedaran dan galakan ke arah penggunaan bahasa Melayu yang betul. (Ruslan, 2008 : 9) Bagaimanapun menurut Ruslan Uthai (2008), cadangan tersebut tidak bertujuan untuk mengangkat taraf bMP (dialek Melayu Patani) menjadi bahasa baku, sebab bahasa Melayu yang digunakan di Thailand merupakan salah satu dialek sahaja. Pernyataan Ruslan Uthai (2008 : 9) tersebut dipetik sebagai berikut :

การดำเนินการตามข้อเสนอข้างต้นนั้นสามารถกระทำได้ระดับหนึ่งเท่านั้นคือควบคุมดูแลภาษามลายูให้มีการใช้ที่ถูกต้อง ไม่ใช่เป็นการยกระดับให้เทียบเท่ากับภาษามาตรฐาน เพราะเราต้องตระหนักอยู่ตลอดเวลาภาษามลายูใช้ในประเทศไทยเป็นภาษาถิ่นๆหนึ่งเท่านั้น

(Cadangan tersebut mungkin dapat dilaksanakan pada tahap tertentu sahaja, iaitu mengawasi dan menjaga agar bahasa Melayu dapat digunakan secara betul, bukan sebagai pengangkatan taraf bahasa menjadi bahasa standar, kerana kita sentiasa menyedari bahawa bahasa Melayu hanya sebagai bahasa daerah (dialek) sahaja.)

Sementara Syed Abdullah Al-Jufri (2008 : 8) memandang perlunya ada usaha untuk membakukan bMP (dialek Melayu Patani), sebab apabila kegiatan pengajaran itu semakin meningkat, maka keperluan terhadap kepiawaian bahasa tersebut semakin penting pula. Bagaimanapun menurut pandangan Syed Abdullah Al-Jufri (2008 : 8), pembakuan bahasa daerah (bMP) itu perlu disesuaikan dengan kaedah dan sumber asal bahasa itu sendiri.

Sungguhpun istilah bMP digunakan oleh beberapa pengkaji untuk merujuk kepada 'dialek Melayu Patani', namun adalah suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan bahasa Melayu di Patani tidak terhad pada pertuturan sahaja, tetapi juga meliputi aspek penulisannya. Menurut Syed Abdullah Al-Jufri (2008), bMP dalam bentuk tulisan sebenarnya tidaklah berbeza dengan bahasa Melayu baku yang digunakan di Malaysia, hanya terdapat beberapa variasi bergantung kepada latar belakang pengetahuan dan pengalaman penulisnya. Pernyataan Syed Abdullah Al-Jufri (2008 : 1) tersebut dipetik sebagai berikut :

ในความเป็นจริงแล้ว ในสามจังหวัดชายแดนภาคใต้มีการใช้ภาษามลายูทั้งภาษาเขียนและภาษาพูด
ทั้งนี้เวลาพูดชาวไทยมุสลิมในพื้นที่จะพูดภาษาถิ่น
เวลาเขียนก็จะเขียนเป็นภาษามลายูกลางซึ่งมีลักษณะที่คล้ายกับภาษามลายูกลางของประเทศมาเลเซีย
แต่ก็ไม่สามารถชี้ขาดได้ว่าเป็นภาษามาเลเซีย

เพราะภาษาเขียนที่ใช้อยู่ในนั้นมีความหลากหลายตามภูมิความรู้และประสบการณ์ของผู้เขียนเป็นส่วนใหญ

(Menurut kenyataannya, bahasa Melayu yang digunakan di wilayah sempadan selatan Thailand meliputi bentuk tulisan dan bentuk tuturan. Dengan demikian, semasa bercakap mereka menggunakan “dialek Patani”, apabila menulis mereka menggunakan bahasa Melayu baku, yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia. Namun demikian sulit ditunjukkan secara tegas sebagai bahasa Malaysia, kerana bahasa tulisan yang digunakan adalah bervariasi yang sebahagian besar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman penulis.)

Sehubungan dengan bahasa Melayu ragam tulisan, Nik Safiah Karim (1993 : 34) memberikan huraian sebagai berikut:

Ragam bahasa Melayu tulisan ialah variasi bahasa Melayu yang digunakan dalam konteks tulisan. Susunan variasi ini lebih lengkap, tersusun, tinggi dan halus sifatnya, dengan beberapa perkataan dan frasa yang jarang-jarang digunakan dalam bahasa Melayu lisan...Variasi bertulis ini menggunakan juga sistem imbuhan yang lengkap dan sempurna, dan jarang-jarang perkataan dipotong-potong ...”

Dengan berdasarkan pernyataan di atas maka kajian ini memilih BMP ragam tulisan sebagai objek kajian. Di Patani, BMP ragam tulisan boleh diamati dalam kitab-kitab agama, yang pada umumnya berbentuk bahasa Melayu klasik yang menggunakan tulisan Jawi, sebagaimana dinyatakan oleh Mohd Nor bin Ngah (1983 : vii) “...religious books written in the classical Malay language using Arabic carecters.” Berdasarkan pengamatan pengkaji, kitab-kitab agama yang menggunakan bahasa Melayu klasik tersebut sehingga kini masih digunakan secara luas dalam masyarakat Melayu Patani, terutamanya sebagai media pengajaran dan penyebaran agama Islam di institusi pendidikan agama, seperti pondok-pondok, dan masjid-masjid.

Bagaimana pun, setakat ini kajian terhadap BMP masih tertumpu kepada dialek Melayu Patani. Kajian-kajian terhadap dialek Melayu Patani yang pernah dilakukan

sebelum ini adalah kajian Ruslan Uthai, yang menumpukan kepada aspek morfologi (1993) dan linguistik sejarah (1999). Sementara Worawit Baru pula telah mengkaji dialek Melayu Patani (1990 dan 1999) dengan menumpukan kepada aspek sosiolinguistik. Sedangkan kajian terhadap aspek morfologi bMP ragam tulisan belum lagi dilakukan. Begitu juga kajian terhadap morfologi kata kerja dalam bahasa Melayu baku masih terbatas. Kenyataan ini pernah diungkapkan oleh Darwis Harahap (1996 : 4), yang mengatakan : “Walaupun kajian tentang nahu bahasa Melayu telah banyak ditulis sehingga ke hari ini, namun kajian yang khusus tentang pembinaan (morfologi) bahasa Melayu tidaklah begitu banyak”.

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah di atas maka pengkaji terdorong untuk membuat kajian terhadap bMP dengan memberikan tumpuan khusus pada morfologi kata kerjanya berdasarkan kepada data korpus sebagaimana terdapat dalam teks-teks agama yang dicetak dan dihasilkan oleh penulis dari Patani. Dengan kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti aspek morfologi kata kerja bMP, sebagai langkah awal untuk mengkaji sistem bMP secara keseluruhan.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini ada tiga tujuan seperti dinyatakan dalam (1)

(1)

- i. Kajian ini bertujuan untuk memerikan struktur dan lapisan afiks kata kerja dalam bahasa Melayu Patani ;
- ii. Kajian ini ingin meneliti proses afiks kata kerja dalam bahasa Melayu Patani;
- iii. Kajian ini akan memerikan makna afiks kata kerja bMP dalam penggunaan bahasa yang dinamik.

1.3 Persoalan Kajian

Tujuan kajian dalam 1.2 diharapkan akan dapat dicapai dengan bantuan persoalan kajian yang berikut :

(2)

- i. Apakah corak struktur dan lapisan afiks kata kerja dalam BMP?
- ii. Apakah jenis dan skop proses afiks kata kerja dalam BMP?
- iii. Apakah makna setiap afiks dalam kata kerja BMP?

1.4 Kepentingan Kajian.

Hasil kajian ini diharapkan bermanfaat kepada guru-guru dan peminat bahasa Melayu Patani. Secara khusus kajian ini diharapkan dapat :

(3)

- i. Membantu ahli bahasa dan peminat bahasa Melayu dalam mengkaji dan menyebarkan bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan dalam masyarakat Melayu di Patani.
- ii. Membantu guru-guru dan pensyarah bahasa Melayu dalam menyusun program pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi di Thailand.
- iii. Menambah bahan bacaan mengenai BMP yang masih sedikit di Thailand.
- iv. Dijadikan bahan rujukan bagi guru-guru, peminat dan pengkaji bahasa Melayu dalam mempelajari dan mengkaji sistem dan tatabahasa BMP.

1.5 Skop Kajian

Kajian terhadap morfologi BMP ini menumpukan kepada aspek kata kerja sahaja dengan anggapan bahawa kata kerja adalah termasuk “kategori leksikon utama” (Hashim, 1993 : 153) dan mempunyai kedudukan penting dalam suatu bahasa.

Kajian ini melibatkan pemerian terhadap kelas dan struktur kata kerja bMP, yang mencakup pemerian terhadap lapisan afiks kata kerja. Penelitian terhadap proses afiksasi kata kerja bMP akan batasi pada meneliti proses prefiksasi, sufiksasi, konfiksasi dan infiksasi. Di samping itu juga, proses afiksasi kata gandaan dan kata gabungan turut diteliti. Selanjutnya pemerian terhadap makna afiks kata kerja dengan menggunakan kaedah parafrasa dan meneliti hubungan makna afiks dengan kata dasar.

Kajian ini menumpukan kepada bMP ragam tulisan berdasarkan data korpus yang terdapat di dalam kitab-kitab agama tulisan Abdul Kadir Wangah (Lampiran 5), yang dicetak antara tahun 1965– 1983 (1385H-1407H). Oleh kerana kitab-kitab tersebut ditulis oleh penulis yang berasal daripada Patani atau sebagai pengguna bMP dan dicetak di Petani, maka sumber data tersebut dianggap memadai bagi memperoleh maklumat mengenai kata kerja dalam bMP. Selain itu kesemua kitab-kitab berkenaan masih digunakan secara luas dalam masyarakat Melayu Patani. Dengan demikian bMP yang terdapat di dalam tulisan selain daripada tulisan Abdul Kadir Wangah dan juga bMP yang digunakan dalam bentuk lisan atau dialek Melayu Patani tidak dijadikan objek kajian ini.

1.6 Definisi

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan sebagai berikut :

(4)

i. *Morfologi* ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata (Nik Safiah:1993: 43). Sementara itu, Mark Aronoff dan Kirsten Fudeman (2004 : 2 - 3) mendefinisikan “morphology” sebagai “...refers to the mental system involved in word formation or to the branch of linguistics that deals with words, their internal structure, and how they are formed.”

ii. *Kata kerja* ialah kata yang merangkumi sejumlah perkataan yang boleh menjadi inti kepada konstruksi frasa kerja (Hashim : 1993) atau kata yang berfungsi pada predikat dalam ayat : Subjek – Predikat – Objek – (Ajung) (Asmah : 1986).

iii. *Bahasa Melayu Patani* (bMP) dalam kajian ini ialah bahasa Melayu ragam tulisan yang digunakan di dalam masyarakat Melayu di Patani (meliputi wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian Songkhla), seperti yang wujud di dalam kitab-kitab agama yang dicetak di Patani.

1.7 Kajian Lepas

Kajian terhadap morfologi bahasa Melayu Patani telah pun diusahakan oleh Ruslan Uthai (1993), sedangkan Abdullah Hasan (1974), Darwis Harahap (1996) dan Hashim Haji Musa (1993) mengkaji morfologi dalam bahasa Melayu. Secara ringkas hasil kajian-kajian tersebut dikemukakan berikut ini.

1.7.1 Kajian Ruslan Uthai

Ruslan Uthai (1993) telah membuat kajian tentang morfologi kata bMP (dialek Melayu Patani) yang menumpukan kepada proses pembentukan kata dalam bMP dengan membuat perbandingan dengan pembentukan kata bahasa Melayu baku. Dalam kajiannya yang bertajuk : การเปรียบเทียบการสร้างคำในภาษามลายูมาตรฐานกับภาษามลายูถิ่นปัตตานี (Perbandingan Morfologi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Patani), Ruslan Uthai (1993) mendapati empat bentuk kata terbitan dalam bMP iaitu kata berimbuhan, kata gabungan, kata gandaan dan kata konversi. Ini juga bererti bahawa proses pembentukan kata dalam bMP terdiri daripada empat proses, iaitu afiksasi, penggabungan, reduplikasi dan konversi. (1993 : 94). Ruslan juga menemui bahawa proses pemajmukan adalah termasuk peratus tertinggi, yakni 52.30 peratus,

diikuti oleh proses afiksasi (pengimbuhan) 30.70 peratus dan konversi 15.64 peratus. Adapun proses penggandaan merupakan peratus yang terendah (1.31 %). Ini bererti proses penggabungan adalah lebih produktif dibanding dengan proses afiksasi, konversi dan penggandaan.

Berdasarkan kajiannya mengenai pembentukan kata kerja dalam BMP, Ruslan Uthai menemui bahawa dalam BMP terdapat beberapa jenis kata kerja yang dihasilkan melalui proses afiksasi, yang diterjemahkan sebagai berikut :

a. Kata kerja dengan makna “kendiri”. Dibentuk oleh awalan {C_(n) -} dengan beberapa alomorf berbentuk huruf/bunyi yang sama dengan huruf/bunyi konsonan awal morfem dasar berupa kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Contohnya : /b-/ + /bukɔ / > /bbukɔ / ‘terbuka sendiri’, /j/ + /jalɛ / > /jjalɛ / ‘berjalan sendiri’, /g/ + /gəyɔ/ > /ggɔ / ‘bergerak sendiri’.

b. Kata kerja dengan makna “bersama-sama” (reciprocal). Imbuhan yang membentuk kata kerja jenis ini juga merupakan unsur ulangan bunyi konsonan awal morfem dasar, seperti /g-/ dalam /gg c h/ ‘bergocoh’, /j-/ dalam /jjalɛ / ‘berjalan’ dan /b-/ dalam /bbayeh/ ‘berbaris’

c. Kata kerja dengan makna “ada”, dibentuk oleh imbuhan /bəy/ yang digandingkan dengan kata nama sahaja, seperti dalam /?api/(n.) ‘api’ /bəy/ + /?api/ > /bəy ?api/ > /bəyapi/ ‘ada api’ dan awalan yang bentuknya berubah mengikut konsonan awal morfem dasar, seperti /bulu/ (n.) ‘bulu’ /b-/ + /bulu/ > /bbulu/ ‘ada bulu’

d. Kata kerja dengan makna “menghasilkan”(productive), dibentuk oleh awalan {C-} beralomorf /bəy/, yang digandingkan dengan kategori kata nama sahaja. Contoh : /?anɔ?/ /bəyanɔ?.

e. Kata kerja dengan makna “menjadi kebiasaan”, dibentuk oleh awalan {C_(n)-}, yang digandingkan dengan morfem dasar berbentuk kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata nama. Awalan ini beralomorf huruf atau fonem yang sama dengan konsonan awal morfem dasar. Contoh :/bacɔ/ (v.tr.) ‘baca’ /b-/ + /bacɔ/ > /bbacɔ/

f. Kata kerja dengan makna “tidak sengaja”, dibentuk dengan menggandingkan awalan {c-} pada morfem dasar kata kerja tak transitif, kata kerja transitif dan kata nama. Awalan ini mempunyai alomorf berupa fonem atau huruf yang sama dengan konsonan awal morfem dasar. Contoh : /sɛpaʔ/ (v.tr.) ‘sepak’ /s-/ + /sɛpaʔ/ > /ssɛpaʔ/

g. Kata kerja dengan makna “pasif”, dibentuk oleh awalan {C-} digandingkan dengan kata kerja transitif sahaja. Awalan ini beralomorf fonem atau huruf yang sama dengan konsonan awal morfem dasar. Contoh : /tineh/ (v.tr.) ‘tindih’ /t-/ + /tineh/ > /ttineh/ ‘kena tindih’

h. Kata kerja dengan makna “kausatif”, dibentuk oleh awalan {C-} yang digandingkan dengan kata kerja tak transitif, kata nama, kata adverbial dan kata sifat. Awalan ini beralomorf /pəy-/ dan bentuk pengulangan konsonan awal morfem. Contoh : /habih/ (v.st.) ‘habis’ /pəy-/ + /habih/ > /pəyhabih/ > /pəyabih/ ‘menghabis’.

1.7.2 Kajian Hashim Haji Musa

Hashim Haji Musa (1993 : 349) pula telah membuat kajian tentang binaan dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan tatabahasa generatif, berdasarkan hipotesis leksikalis.

Dalam kajiannya, Hashim Haji Musa juga memberikan huraian tentang binaan dan fungsi kata kerja, yang ditinjaunya dari segi binaan intrinsiknya dan juga dari segi fungsinya dalam konstruksi sintaksis. Menurut Hashim (1993 : 227) “Binaan intrinsik kata kerja merujuk penyusunan dan penarafan morfem yang menjadi unsur KK.” (Hashim : 227) Adapun fungsi kata kerja adalah merujuk kepada kedudukan kata kerja dalam konstruksi sintaksis iaitu frasa dan ayat. Menurut Hashim Haji Musa (1993 : 227) “Fungsi KK sebenarnya ditentukan oleh ciri kontekstualnya iaitu yang terdiri daripada ciri kontekstual subkategorisasi rapi dan ciri kontekstual seleksi.

Hashim Musa (1993 : 228) telah membuat rumus kehadiran KK bahasa Melayu dalam konstruksi sintaksis sebagai berikut:

$$KK \rightarrow SK/ \left\{ \begin{array}{l} \text{--- FN} \\ \text{--- \#} \\ \text{--- Pelengkap KK} \\ \text{--- (K Komp) A} \\ \text{--- (oleh) FN} \\ \text{FN objek pasif ---} \end{array} \right\}$$

Daripada rumus di atas, Hashim Musa (1993 : 228) membuat kategori KK ke dalam lima jenis subkategori iaitu :

KK yang mesti hadir sebelum FN objek yang menjadi penyambutnya, yang boleh digelar KK transitif.

KK yang tidak perlu disambut oleh sebarang unsur melainkan kesenyapan (#), iaitu KK tak transitif.

KK yang mesti hadir sebelum pelengkap KK iaitu satu jenis unsur yang melengkapkan KK tetapi bukan sebagai penyambutnya; yang boleh digelar KK berpelengkap.

KK yang boleh diikuti oleh ayat komplemen yang menjadi sejenis unsur penyambutnya;

KK yang didahului FN objek pasif; KK demikian boleh digelar KK pasif.

Ketika menghuraikan ciri semantik imbuhan dan gandaan kata kerja, Hashim Haji Musa (1993 : 260) menyatakan :*“Dari segi semantik imbuhan kata KK boleh dianggap sebagai penanda makna tertentu.”* Menurutnya lagi, *“...imbuhan kata kerja boleh dikelompokkan ke dalam kelompok tertentu berdasarkan penandaan makna demikian. Namun penandaan makna untuk imbuhan seperti aspek semantik yang lain, tidaklah muktamat tafsirannya.”* (Hashim : 261)

Dalam kajiannya tersebut, Hashim Musa (1993 : 261) juga menggunakan kaedah membuat parafrasa bagi penandaan makna imbuhan, yang menurutnya ialah suatu kaedah yang telah digunakan Jackendoff (1975) dan Aronoff (1976).

1.7.3 Kajian Darwis Harahap

Darwis Harahap (1996 : 9) telah membuat kajian tentang binaan dan makna kata kerja dengan menggunakan pendekatan struktural, *“...iaitu memberi perhatian yang eksplisit kepada pelbagai bahasa sebagai struktur dan sistem..”* .

Dalam bukunya yang bertajuk : *“Pembinaan Kata Kerja Dari Sudut Makna”* , Darwis Harahap (1996 : 46) telah menghuraikan hubungan makna dengan pembinaan kata kerja. Berhubung dengan perkara tersebut, Darwis Harahap (1996) berkesimpulan bahawa pembinaan kata (sama ada dengan pengimbuhan, penggandaan atau pemajmukan) berlaku, kerana timbulnya keperluan makna kepada pengguna bahasa berkenaan.

Suatu perkara yang menarik dalam kajian Darwis Harahap ialah mengenai imbuhan kata kerja. Berdasarkan hasil kajiannya, Darwis Harahap (1996 : 193) menyatakan bahawa *“... imbuhan me +...+ kan, me +...+ i, di +...+ kan, di +...+ i, te +...+ kan, ke +...+ i, be +...+ kan, bukanlah imbuhan apitan, melainkan +kan atau +i diimbuhkan dahulu dengan kata dasar, barulah me+, di+, te+ diimbuhkan kemudian, manakala*

be+ diimbuhkan dahulu dan +kan diimbuhkan kemudian...” Bagaimanapun dapatan kajian tersebut bercanggah dengan kebanyakan buku Tatabahasa Bahasa Melayu, termasuk Tatabahasa Dewan (1993). Hal ini menunjukkan bahawa dalam persoalan imbuhan kata kerja Bahasa Melayu masih terdapat isu-isu yang belum diselesaikan.

1.7.4 Kajian Abdullah Hassan

Abdullah Hassan (1974), pula telah membuat kajian tentang morfologi bahasa Melayu di bawah tajuk : “The morphology of Malay”. Dalam kajian tersebut terdapat satu bab yang membahas mengenai kata kerja, yang meliputi bahasan tentang bentuk kata kerja dan proses pembentukan kata kerja. Mengikut Abdullah Hassan (1974 : 76), *bentuk kata kerja dalam bahasa Melayu terdiri daripada bentuk akar dan bentuk afiks. Bentuk akar dibahagi kepada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dinamik, kata kerja tak transitif statif dan kopula.*

Dalam pembahasan kata kerja afiks, Abdullah Hassan (1974 : 77-78) membahagi kata kerja afiks kepada beberapa kelas afiks, iaitu kelas afiks 100 (infiks : *-el-*, *-em-* dan *-er-*, gandaan, prefiks *se-* dan *ke-*, sufiks *-an* dan apitan *ke-...-an*), kelas afiks 200 (prefiks *per-*, sufiks *-kan* dan *-i*) dan kelas afiks 300 (active voice : *meN-*, pasive voice : *di-*, active/pasive – no volitive : *ter-* dan middle voice : *ber-*).

Dalam kajiannya, Abdullah Hassan (1974 : 79) juga membahas tiga proses morfologi kata kerja dalam bahasa Melayu iaitu afiksasi, reduplikasi dan pemajmukan. Dalam proses afiksasi didapati afiks *se-*, *ke-* dan *se-* berfungsi membentuk kata kerja, yang masing-masing mempunyai fungsi tatabahasa, iaitu “..to indicate sameness of property or state”, “...to indicate state or action of verb” dan “... a state of being done repeatly an intervals.” (Abdullah : 90-91). Di samping itu Abdullah Hassan juga mendapati prefiks *per-* dalam bahasa Melayu termasuk produktif, suatu dapatan yang bercanggah dengan Lewis (1968), sebagaimana dalam pernyataan Abdullah

Hassan (1974 : 94): "This is contrary to what has been claimed by Lewis, that "per- as a verbal affix is limited in function, and the derivative formed are few in number."

Bagaimanapun kajian-kajian di atas tidak membahas secara khusus mengenai morfologi kata kerja, kecuali kajian Darwis Harahap (1974), yang menekankan aspek binaan dan makna kata kerja. Dengan demikian proses morfologi kata kerja tidak dibahas secara menyeluruh, seperti struktur pelapisan (sistem heirarki) dalam pembentukan kata kerja. Dengan demikian kajian ini cuba menambah kekurangan yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu.

BAB 2

KERANGKA TEORETIS DAN KAEDAH KAJIAN

2.0 Pengenalan

Huraian tentang kerangka teoretis dalam bab ini meliputi takrif morfologi, konsep tentang morfem dan teori tentang pembentukan kata berdasarkan idea-idea daripada berbagai pakar linguistik termasuk E.A. Nida, Mark Aronoff dan Francis Katamba, di samping idea-idea daripada pakar bahasa Melayu, seperti Abdullah Hassan, Mashudi Kader dan Hashim Haji Musa. Selain kerangka teori, dalam bab ini dikemukakan pula kaedah kajian, yang meliputi kaedah pengumpulan data dan analisis data.

2.1 Kerangka Teoretis Kajian

Huraian tentang kerangka teoretis kajian ini akan dimulai dengan menghuraikan takrif morfologi, takrif morfem dan kata, dan persoalan morfem, sebagai asas bagi memahami kerangka teoretis kajian. Huraian tentang kerangka teoretis kajian selanjutnya meliputi huraian tentang prinsip-prinsip mengenal pasati morfem dan rumus pembentukan kata.

2.1.1 Takrif Morfologi

Mark Aronoff dan Kirsten Fudeman (2004 : 2) menghuraikan makna morfologi sebagai berikut : "In linguistics morphology refers to the mental system involve in

word formation or the branch of linguistics that deals with words, their internal structure and how they formed.”

Abdullah Hassan (2005 : 1) pula mendefinisikan morfologi sebagai :

(1)

...suatu bidang ilmu yang mengkaji bentuk perkataan yang diujarkan dalam suatu bahasa. Bentuk ujaran itu kemudiannya dituliskan dengan menggunakan lambang-lambang yang lazim dalam bahasa tersebut. Maksud bentuk perkataan itu ialah struktur perkataan dalam bentuk ejaan yang biasa digunakan sehari-harian. Bentuk-bentuk tulisan perkataan itulah yang dikaji dalam morfologi, khususnya mengkaji bagaimana unsur-unsur bahasa membina struktur perkataan bahasa Melayu.

2.1.2 Takrif Morfem dan Kata

Berdasarkan teori deskripsi struktur, seperti dihuraikan Abdullah Hassan (2005), ada dua unsur yang terlibat dalam membina perkataan dalam bahasa Melayu, iaitu *morfem* dan *kata*.

Abdullah Hassan (2005 : 1) memberikan takrif *morfem* dan *kata* sebagai berikut :

(2)

Morfem ialah unit bahasa yang terkecil mempunyai makna atau fungsi tatabahasa. Contoh dalam bahasa Melayu, seperti ber-, ter-, me-, -nya, -kah, -lah, -pun, dan lain-lain.

Kata juga merupakan unsur bahasa terkecil yang maknanya dapat dirujuk dalam kamus (leksikon). Sebagai unsur bahasa, kata juga adalah unsur bahasa yang digunakan bagi membentuk perkataan lain.

Francis Katamba (1993) juga menakrifkan morfem sebagai “unit bermakna yang terkecil”. Namun lebih lanjut Katamba (1993 : 20) menyatakan sebagai berikut : “The term morpheme is used to refer to the smallest, indivisible units of semantic content or grammatical function which words are made up of.” Dengan definisi tersebut, bermakna suatu morfem tidak dapat dipecahkan kepada unit terkecil yang diberi

makna, sama ada oleh dirinya sendiri atau oleh penanda fungsi nahuan, seperti mufrad atau jamak bagi kata nama.

Mengenai makna Kata (Word), menurut Francis Katamba (1993 : 17-19) ialah mencakupi konsep Leksem (Lexeme), bentuk kata (Word-form) dan kata nahuan (grammatical word). Kata dalam pengertian leksem merujuk kepada perbendaharaan kata abstrak. Kata dalam pengertian bentuk kata adalah realisasi fizikal tertentu daripada leksem dalam pertuturan atau pun tulisan. Kata juga dapat dilihat sebagai representasi leksem yang diasosiasikan dengan ciri-ciri *morfo-sintaktik* tertentu (sebahagiannya ciri morfologi dan sebahagiannya ciri sintaktik), seperti kata nama, kata adjektif, kata kerja, kala, gender, bilangan dan sebagainya. Kata yang merujuk kepada makna demikian disebut “kata nahuan” (grammatical word).

2.1.3 Persoalan Morfem

Definisi morfem sebagai unit terkecil yang bermakna, menurut Katamba (1993) sebagaimana dipetik oleh Salbia Binti Hasan (2004 : 66), akan menimbulkan banyak masalah kerana sukar untuk menjelaskan kewujudan morfem dalam bentuk gabungan yang hanya bermakna dan juga tidak mempunyai makna yang tetap. Contohnya perkataan *under* dan *uncle* tidak wujud secara bersendirian menjadi *-der* dan *-cle* kerana ia tidak bermakna. Sebaliknya morfem *un-* dalam *unsafe*, *unhappy* dan *unwell* boleh dipisahkan daripada perkataan-perkataan *-safe*, *-happy* dan *-well*, dan perkataan-perkataan tersebut boleh berdiri sendiri kerana *un-* mendukung makna yang tertentu iaitu ‘tidak’. Nyatalah bahawasanya morfem bukanlah unit terkecil yang mempunyai makna tetap dan tersendiri.

Bagi Aronoff (1976) tidak semua morfem mempunyai makna yang tetap dan boleh mendukung makna yang tersendiri, seperti *cranberry morphs*. Contohnya seperti dalam *cranberry*, *boysenberry*, *huckleberry*, yang mengandungi kelompok nama

'berries'. Sekiranya morfem tersebut dipisahkan, maka unit yang terakhir 'berry' merupakan morfem yang bermakna dan bentuk #cran#, #boysen# dan #hucke# tidak mempunyai makna yang tersendiri, kecuali apabila bergabung bersama 'berry'. Sebaliknya dalam *strawberry*, *blueberry*, *blackberry* dan *gooseberry*. Sekiranya 'berry' dipisahkan maka wujud morfem seperti #straw#, #blue#, #black# dan #goose#. Bentuk yang telah dipisahkan menjadi *straw*, *blue*, *black* dan *goose* merupakan morfem bebas yang bermakna, walaupun kata *berry* telah dipisahkan daripada bentuk asalnya. Ini bermakna bahawa morfem tidak semestinya bermakna dan mempunyai makna yang konsisten seperti yang ditakrifkan oleh aliran strukturalisme.

Bagi menyelesaikan masalah penakrifan morfem tersebut, Aronoff (1976) memberikan takrifan morfem sebagai "*bentuk ujaran atau bentuk bahasa yang minimum yang boleh ditubuhkan sebagai satu konstruksi atau binaan yang tersendiri dan boleh diasingkan dan dibezakan daripada bentuk yang lain dan morfem mungkin mempunyai makna tersendiri yang tetap dan mungkin tidak.*" (Salbia, 2004 : 66)

Takrif morfem yang dikemukakan oleh Aronoff (1976) tersebut akan dimanfaatkan dalam kajian ini kerana dianggap lebih tepat bagi menentukan takrif morfem dalam BMP. Kajian ini juga mendapati bahawa dalam BMP juga terdapat morfem yang bertaraf sebagai morfem bebas tetapi tidak bermakna apabila dipisahkan daripada pasangannya, seperti dalam kata kerja gandaan berentak : *berpenuh pena*, *bersinar banar* dan *bertukar takir*. Perkataan *-pena*, *-banar*, dan *-takir* merupakan morfem bebas namun ia tidak bermakna apabila dipisahkan daripada morfem *berpenuh*, *bersinar* dan *bertukar*.

Bagaimanapun kajian ini juga akan memanfaatkan idea E.A. Nida (1963) mengenai prinsip-prinsip mengenal pasti morfem bagi mengenal pasti morfem dalam BMP. Kerana seperti dinyatakan Abdullah Hassan (2004) bahawa prinsip-prinsip tersebut

adalah sesuai untuk kajian bahasa Melayu sebagai bahasa aglutinatif, yang mengandungi unsur imbuhan atau afiks dalam perkataannya. Oleh itu prinsip-prinsip mengenal pasti morfem daripada E.A. Nida dibahas berikut ini.

2.1.4 Prinsip-prinsip Mengenal Pasti Morfem

E.A. Nida (1963) dalam bukunya *Morphology : A Descriptive Analysis of Words* telah mengemukakan enam prinsip untuk mengenal pasti morfem. Berdasarkan Abdullah Hassan (2004), keenam prinsip tersebut dihuraikan sebagai berikut :

Prinsip pertama menyatakan bahawa morf-morf yang mempunyai bentuk fonologi serupa digolongkan sebagai satu morfem sekiranya morf-morf itu mempunyai makna atau fungsi tatabahasa yang sama. Contohnya : -an dalam *pukul + an*, *makan + an*, *kritik + an*, maka ditulis dengan {-an} kerana ia adalah morfem. Prinsip ini digunakan dalam kajian ini bagi menentukan afiks kata kerja dalam bMP.

Prinsip kedua menyatakan bahawa morf-morf yang mempunyai makna dan fungsi tatabahasa yang sama bolehlah digolongkan sebagai satu morfem, walaupun ada perbezaan bentuk fonologinya; asalkan perbezaan tersebut berlaku semata-mata kerana konteks fonologi yang berlainan. Contohnya : *me + rawat*, *mem + bawa*, *men + dukung*, *menge + lap*. Morf-morf *me-*, *mem-*, *men-*, *menge-* dapat digolongkan sebagai satu morfem kerana makna dan fungsinya adalah sama. Perbezaan bentuknya ialah akibat perbezaan fonologi atau dapat diramal daripada konteks fonologinya (akibat huruf atau fonem pangkal kata dasarnya berlainan). Prinsip ini digunakan dalam kajian ini bagi menentukan bentuk alomorf daripada afiks-afiks kata kerja dalam bMP.

Prinsip ketiga menyatakan bahawa morf-morf yang sama makna dan fungsi tatabahasanya, tetapi bentuk fonologi berbeza, dapat digolongkan ke dalam morfem yang sama, sekiranya distribusi atau taburannya tidak bertindih. Contohnya: *-man* dalam *seniman* dan *-wan* dalam *sasterawan*.

Prinsip keempat menyatakan bahawa satu siri bentuk yang berbeza dalam konteksnya boleh digolongkan sebagai satu morfem walaupun terdapat hanya perubahan kosong.

Prinsip kelima menyatakan bahawa morf-morf boleh digolongkan kepada morfem yang sama atau berlainan bergantung kepada dua syarat.

- a. Bentuk morf-morf yang sama ejaan dan sebutannya adalah terdiri daripada dua morfem yang berlainan apabila maknanya berlainan. Contohnya : {daki} 'kotoran' dan {daki} 'memanjat' adalah dua morfem yang berlainan.
- b. Morf-morf yang sama ejaan dan sebutannya adalah tergolong kepada morfem yang sama apabila maknanya berkaitan. Contohnya : *kaki* dalam *kaki meja*, *kaki bukit*, *kaki langit*, adalah tergolong sebagai satu morfem kerana semua maknanya merujuk kepada *anggota* atau *bahagian bawah* benda-benda yang dinamainya.

Prinsip keenam menyatakan bahawa sebuah morf boleh dikenal pasti sebagai satu morfem apabila memenuhi salah satu daripada tiga syarat.

- a. Sekiranya bentuk morf itu pernah wujud secara bersendirian walaupun sekali, maka ia dianggap sebagai morfem, seperti *hari*, *rumah*, *lari* dan lain-lain.
- b. Sebuah morf boleh dikenal pasti sebagai morfem apabila bentuk itu pernah berlaku dengan bentuk-bentuk lain, dan bentuk lain itu pernah dipastikan sebagai morfem. Contohnya : morfem *nyala* pernah berlaku dengan morfem lain dalam perkataan *menyala*, *bernyala*, *dinyalakan*, *menyala-nyala* : {nyala} adalah morfem sebab {men-}, {ber-}, {di-}, dan {ganda} pernah ditentukan sebagai morfem.
- c. Sebuah morf boleh dikenal pasti sebagai morfem sekalipun ia hanya berlaku atau wujud sekali sahaja, tetapi bentuk yang berlaku dengannya itu pernah berlaku dengan morfem lain. Contohnya {bi-} dalam *bitara* adalah sebuah morfem, kerana {tara} wujud dengan unsur lain dalam perkataan seperti *setara*.

Selain idea-idea yang tersebut di atas, kajian ini juga akan memanfaatkan idea Aronoff (1976) mengenai teori pembentukan kata yang dikenal dengan *Word Formation Rules (WFR* atau Rumus Pembentukan Kata (RPK). Beberapa prinsip RPK akan digunakan sebagai landasan teori dalam menghuraikan bentuk kata kerja dalam BMP.

2.1.5 Rumus Pembentukan Kata

Rumus Pembentukan Kata atau yang dikenal dengan *Word Formation Rules (WFR* telah diperkenalkan oleh Mark Aronoff (1976) dan digunakan oleh Salbia Binti Hasan (2004) dalam kajiannya terhadap Morfologi Dialek Melayu Kuching (2004).

Berdasarkan Salbia Binti Hasan (2004 : 53 - 56), berikut ini diuraikan beberapa prinsip Rumus Pembentukan Kata daripada Aronoff (1976)

“RPK adalah morfologi berasaskan kata yang melihat hakikat makna kata terbentuk oleh beberapa proses secara tetap. Melalui operasi RPK, setiap perkataan baru yang terhasil mendapat keahlian leksikalnya, yang dinyatakan dalam kurungan berlabel, contohnya $[X]_{KN}$. Perkataan-perkataan ini juga mengandungi maklumat subkategorisasi termasuk fungsi semantik yang ada pada kata dasar.” (Salbia : 53)

“Operasi RPK tidak menambah prefiks dan sufiks yang sama secara serentak dan tidak menambah satu afiks dengan melupuskan satu afiks yang lain. Oleh itu, RPK perlu menanda jenis sempadan yang memisahkan kata dasar daripada afiks dengan menggunakan simbol “ # ”. Simbol “ # ” akan hilang apabila perkataan menerima kurungan berlabel kategori leksikal []. Kurungan berlabel yang menandakan taraf perkataan diberikan singkatan nama kategori kelas kata, misalnya $[X]_{KK}$. Sementara simbol “ + ” digunakan untuk penggandingan di antara kata dasar dan afiks.” (Salbia : 53)

“Proses pembentukan kata hanya melibatkan morfologi derivasi, yakni penggabungan kata dasar bersama afiks, yang lazimnya terdiri daripada prefiks, sufiks, infiks dan circumfiks. Setiap afiks ini mempunyai peranan tersendiri apabila bergandingan dengan kata dasar.” (Salbia : 53)

“Operasi RPK berlaku hanya ke atas kata dasar yang bermakna atau kategori leksikal, umpamanya kategori KN, KK dan KA. Morfem tidak beroperasi dalam RPK kerana ia tidak mempunyai makna secara tetap dan tidak boleh membentuk kategori leksikal.” (Salbia : 53)